



Lapan suspek warga Indonesia yang terbahil kes rampakan kapal MT Orkim Harmony dituntut anggota APMM selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, semalam.

**KES RAMPAN KAPAL MT ORKIM HARMONY**

# Lapan lanun mengaku salah

● Dua suspek dipenjarakan 18 tahun, 6 dihukum 15 tahun, 5 sebatan

Oleh **Junita Mat Nasid**  
junita@bh.com.my

• Kota Tinggi

**D**ua lelaki warga negara Indonesia dihukum penjara 18 tahun, manakala enam lagi dihukum penjara 15 tahun dengan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, selepas mengaku bersalah merampak kapal MT Orkim Harmony, tahun lalu.

Hakim Salawati Djambati memuat keputusan itu selepas mengambil kira faktor kepongkangan awam dan kes serius membabitkan rampakan bersejaja yang dirancang.

Semua tertuduh dibatal sebagai Ruslan, 61; Kurniawan, 56; Hendry Andaria, 40; Rasydy Alhitya, 38; Anjas, 38; Ihsan Dandek Depol, 38; Alwan Lat, 29; dan Fiqi Alfa, 28.

Mereka didakwa merampak secara berkumpulan kapal MT Orkim Harmony milik syarikat Magna Meridian Sdn Bhd, di 12.4 hulu nanika dari Pulau Tekong Ya, di perairan Malaysia, kira-kira jam 9 malam, 11 Jun tahun lalu.

**Hukuman penjara, sebat**  
Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 397 kanun sama. Mereka boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika salah kesalahan.

Perbuatan itu dikesan oleh enam Timbalan Pendaakwa Raya yang diketuai Mohamad Abu-safie Mohd Affan.

Terdahulu lapan suspek terbahil yang ditahan oleh pihak berkuasa Vietnam menjalani proses ekstradisi dan selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTSN), 8.14 petang

semalam.  
Berdasarkan fakta kes, pada 12 Jun 2015, kapal tangki MT Orkim Harmony yang memuat 22 anak kapal dengan 5,878 tan petrol bernilai kira-kira RM11 juta dilaporkan hilang di perairan Timur Tanjung Sedili, Kota Tinggi.

**Tukar nama kapal**  
Kapal tangki MT Orkim Harmony yang hilang dibesarkan berada di perairan Kemboja dalam keadaan selamat dan ditukar nama semula Orkim Harmony kepada Eim Harmon serta menyebarkan rupa dicat dengan warna hitam pada 18 Jun 2015.

Pada 19 Jun 2015, lapan suspek ditahan oleh pihak berkuasa Vietnam berhampiran Pulau Tho Chu, selatan Vietnam ketika cuba meloloskan diri daripada pemburuan ketika kapal MT Orkim Harmony di besut.